

SOALAN LAZIM

BERKAITAN PELANTIKAN PEMBEKAL DENGAN JPPK & SURAT PEKELILING KP MPC BERKAITAN KADAR BAYARAN KEPAKARAN DAN ELAUN LAIN BAGI BUKAN PENJAWAT AWAM DI MPC

BIL	SOALAN	JAWAPAN
PEKELILING WP 10.9		
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan WP10.9 dan surat pekeliling Ketua Pengarah MPC berkaitan kadar bayaran perkhidmatan kepakaran dan elaun lain bagi bukan penjawat awam?	WP 10.9 adalah tatacara perolehan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia iaitu Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), manakala Surat pekeliling KP MPC tersebut pula adalah merujuk kepada kadar bayaran melibatkan kepakaran dan elaun lain di MPC yang telah diluluskan Pihak Lembaga Pengarah. Kadar kepakaran tersebut telah mengambil kira syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam pekeliling WP 10.9
2.	Bilakah Surat pekeliling KP MPC ini mula berkuatkuasa?	Surat pekeliling KP MPC berkuatkuasa pada 15 Februari 2021.
3.	Adakah semua Warga perlu mematuhi kadar yang telah ditetapkan tersebut?	Ya. Semua Warga MPC perlu mematuhi kadar harga yang telah ditetapkan.
4.	Adakah peruntukan Pembangunan sahaja perlu melalui prosedur ini?	Semua jenis peruntukan samada Pembangunan, Operasi atau Usahasama perlu melalui prosedur baharu ini
LANTIKAN PEMBEKAL & SISTEM PUSINGAN SECARA PENGGILIRAN		
5.	Bolehkah saya melantik pembekal dengan mendapatkan kadar harga selain dari di dalam surat pekeliling tersebut? Sekiranya tidak dibenarkan, apakah alternatif yang membenarkan kadar lain digunapakai?	Tidak dibenarkan. Semua Warga perlu mematuhi kadar harga yang telah ditetapkan. Sekiranya ada warga ingin mengguna pakai kadar lain selain kadar yang telah ditetapkan, Tuan/Puan perlu memohon MEMO pengecualian JPPK ini kepada Dato' KP dengan melalui persetujuan dari Pengerusi JPPK beserta justifikasi.
6.	Apakah yang dimaksudkan dengan lantikan secara penggiliran?	Lantikan penggiliran JPPK merujuk kepada lantikan di dalam senarai pembekal yang telah berdaftar dengan MPC untuk memberi perkhidmatan di bawah JPPK, dimana setiap pembekal perkhidmatan akan dilantik secara bergilir mengikut pusingan . Lantikan ini berpandukan salah satu syarat MOF di dalam

		WP 10.9 dimana tiada penompakan lantikan dibuat. Setiap pembekal berdaftar perlu diberi peluang untuk menjalankan perkhidmatan di MPC.
7.	Bilakah giliran seterusnya bagi pembekal A sekiranya telah digunapakai oleh Pegawai A.	<p>Lantikan seterusnya adalah merujuk kepada perkhidmatan yang sama setelah semua senarai pembekal di dalam perkhidmatan tersebut selesai dilantik.</p> <p>Contoh: Lantikan penceramah pembekal A telah dilantik pada 18 Februari 2021. Bilangan penceramah berdaftar untuk kategori A adalah seramai 10 orang. Setelah kesemua 10 penceramah dilantik bagi Kategori A, maka giliran seterusnya akan bermula pada pembekal A semula. Sekiranya ada pembekal bertindih waktu dan tarikh atau tidak sihat maka pembekal seterusnya boleh dipilih.</p>
8.	Bagaimana sekiranya pembekal yang ingin dilantik tidak berdaftar dengan JPPK? Adakah saya boleh memohon juga?	<p>Sekiranya terdapat beberapa pembekal lain yang telah berdaftar dengan JPPK, juga boleh memberikan perkhidmatan yang sama, disyorkan keutamaan diberi kepada pembekal yang telah berdaftar JPPK terlebih dahulu. Sekiranya tiada, sila maklumkan pada sekretariat JPPK untuk merekod nama pembekal tersebut. Sekiranya tingkap pendaftaran dibuka, sekretariat akan menghubungi mereka untuk mendaftar.</p>
9.	Program saya berbentuk <i>sharing session / best practices</i> oleh CEO atau mana-mana individu dari syarikat terkemuka untuk berkongsi pengalaman syarikat masing-masing. Adakah individu tersebut perlu berdaftar dengan JPPK juga?	<p>Lantikan untuk program berbentuk perkongsian amalan baik atau penceramah khas dari mana-mana syarikat untuk berkongsi pengalaman tidak perlu berdaftar dengan JPPK. Memadai Tuan/Puan memohon MEMO pengecualian JPPK ini kepada Dato' KP dengan melalui persetujuan dari Pengerusi JPPK.</p>
10.	Saya dari Pejabat Wilayah, adakah saya juga perlu merujuk sistem pusingan penggiliran tersebut?	<p>Ya Pejabat Wilayah juga perlu merujuk senarai dan jadual sistem pusingan penggiliran JPPK. Ini kerana lantikan JPPK dibuat secara berpusat dan berbeza mengikut Kategori iaitu Kategori A, B dan C.</p>

11.	Dimanakah saya boleh rujuk kesemua pembekal yang telah dilantik untuk rujukan?	Jadual perkhidmatan boleh rujuk di Microsoft Teams . Kesemua pembekal yang telah dilantik akan dikemaskini sentiasa di jadual tersebut untuk rujukan Warga MPC mengikut Kategori A, B dan C. Warga juga boleh merujuk Pegawai Perolehan untuk kepastian dan mendapatkan pengesahan lantikan yang akan dibuat.
12.	Adakah penjawat awam juga perlu berdaftar JPPK ini dan bagaimana lantikan dibuat?	Lantikan Penjawat Awam dibuat melalui permohonan eISO seperti biasa dengan melampirkan Borang B. Kadar lantikan adalah dengan merujuk Pekeliling WP1.8 (penceramah dan fasilitator) dan surat pekeliling KP MPC untuk perkhidmatan selain dari itu.
KOD PROGRAM DAN JENIS PERKHIDMATAN		
13.	Saya ingin melantik pembekal 123 untuk perkhidmatan penulisan Kategori Kod C, namun pembekal tersebut tidak berdaftar perkhidmatan penulisan tersebut. Adakah saya boleh melantik beliau?	Pembekal boleh kemaskini perkhidmatan samada untuk tambahan/gugur. Pelantikan masih boleh dibuat berdasarkan ketersediaan beliau dan jadual pusingan dengan memaklumkan kepada Urusetia JPPK dan PCT
14.	Apakah jenis penulisan dibenarkan untuk pelantikan JPPK ini?	Perkara asas untuk penulisan adalah sekiranya penulisan artikel/slaid/kandungan input yang tidak melibatkan percetakan, diterbitkan (secara fizikal atau digital), dibukukan atau sebuah laporan lengkap. Sekiranya tiada elemen tersebut, lantikan penulisan tersebut dibenarkan. Alternatif lain secara perolehan dengan tiga (3) sebut harga.
15.	Perkhidmatan suntingan dan pembikinan video, percetakan, poster, FB ads di bawah kategori perkhidmatan yang mana?	Semua perkhidmatan tersebut adalah dibawah kategori perolehan Bekalan dan Perkhidmatan yang memerlukan tiga (3) sebut harga. Ianya bukan di bawah JPPK
16.	Bagaimana untuk membuat perbandingan lantikan kepakaran/ penasihat/pakar rujuk JPPK dan pakar rujuk PK3 (perundingan)	Antara elemen untuk sesuatu perundingan adalah di mana lantikan kepakaran melibatkan projek yang dilaksanakan dari mula sehingga akhir. Elemen tersebut terdiri daripada: i. Memberi nasihat untuk tempoh projek lama atau sepanjang projek berlangsung sehingga siap

		<ul style="list-style-type: none"> ii. Sesi <i>engagement</i> mendapatkan maklumat (<i>collect data, input</i>), iii. Penulisan laporan (interim, draf, final) iv. Output projek menghasilkan cadangan (<i>recommendation</i>) <p>Lantikan pakar JPPK merujuk kepada aktiviti memberi input dan idea untuk sesuatu perkara untuk bukan sesuatu projek dalam tempoh yang lama. Bayaran dibuat adalah merujuk kepada jam dan bukan 1 hari perkhidmatan.</p> <p>Sebagai contoh pakar rujuk dilantik untuk memberi komen pada slide sebelum dibentang kepada mesyuarat berprofil tinggi seperti PEMUDAH, EAC.</p> <p>Sekiranya pakar rujuk untuk membantu mengupas masalah atau memberi nasihat kepada bengkel, pakar rujuk dibenarkan untuk tujuan beberapa jam dalam bengkel fizikal atau atas talian itu sahaja.</p>
--	--	--

PENTADBIRAN (SURAT LANTIKAN DAN PENGISIAN PERMOHONAN JPPK)

17.	Adakah semua surat lantikan permohonan JPPK dikeluarkan oleh Pihak PCT?	Ya. Akan dikeluarkan oleh Pihak PCT di Ibu Pejabat, manakala di Pejabat Wilayah perlu mengikut format PCT
18.	Saya ingin melantik pembekal syarikat bernilai RM10,000.00 untuk memberikan ceramah. Adakah saya perlu mengisi eISO atau eRO?	<p>Terdapat 2 jenis kaedah untuk pengisian permohonan samada eISO/eRO. Tuan/Puan perlu merujuk samada syarikat berdaftar mempunyai kod bidang MOF untuk tenaga pengajar ataupun tidak:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pengisian RO – syarikat berdaftar kod bidang MOF bagi semua jenis amaun b. Pengisian eISO – sekiranya syarikat tidak berdaftar bagi amaun sehingga RM20 ribu.
19.	Saya ingin membuat aduan terhadap pembekal. Adakah permohonan dibuat kepada Pihak PCT?	Aduan berkaitan pembekal dibuat dengan menghantar emel kepada Pengerusi JPPK dan PCT.

20	<p>Saya telah mendapatkan kelulusan BOM, Cuma kadar bayaran yang telah diluluskan berbeza dengan kadar JPPK. Bolehkah saya mengikut kadar yang telah diluluskan oleh BOM?</p>	<p>Tidak. Warga perlu menggunakan kadar pekeliling JPPK yang telah diluluskan oleh BOD.</p>
21.	<p>Saya telah mengeluarkan surat niat untuk melantik pembekal, cuma terma rujukan dalam surat niat saya terlalu umum dan tidak menyatakan tugas yang perlu dilaksanakan</p>	<p>Setiap permohonan hendaklah merujuk kepada definisi dan skop tugas dalam jadual surat pekeliling JPPK. Terma rujukan tambahan mestilah jelas dan berpandukan skop tugas yang ingin diberikan. Warga dinasihat merujuk kepada Pegawai Unit PCT bagi memudahkan lantikan.</p>
22.	<p>Sekiranya surat niat telah diberikan, bolehkah saya membatalkan atau mengubah terma dan sebagainya?</p>	<p>Boleh kerana surat lantikan belum diberikan. Sebaik-baiknya, warga berbincang dengan Pegawai Unit PCT sebelum mengeluarkan surat niat.</p>
23.	<p>Saya ingin melantikan perkhidmatan untuk fasilitator. Bolehkah lantikan dibuat bagi 7 jam untuk program online untuk 1 hari.</p>	<p>Boleh dengan merujuk had nilai amaun di dalam Surat pekeliling KP MPC di mana had nilai untuk program melibatkan perkhidmatan fasilitator (fizikal) adalah RM1800 (6jam). Kadar bagi fasilitator online adalah RM250.</p> <p>Contoh:</p> <p>Lantikan fasilitator 7 jam X RM250 = RM1,750.00</p> <p>Kadar tersebut masih belum mencapai had maksima program fizikal RM1800.00</p> <p>Namun, pegawai perlu menyediakan jawapan bukti kepada pihak Kewangan</p>